

Banjir terburuk di Salak Selatan sejak 30 tahun

KUALA LUMPUR - Seorang peniaga kedai besi buruk di pekan Salak Selatan di sini, menggambarkan kejadian banjir kilat di pekan itu semalam sebagai yang paling buruk selepas lebih 30 tahun lalu.

Bagi K. Ramachandran, 55, aliran air kesan daripada kejadian banjir kira-kira pukul 3.30 petang semalam itu, bagaikan ombak besar yang sedang memukul pantai.

Menurutnya, kejadian banjir tersebut begitu pantas kerana hanya dalam masa dua minit, tiba-tiba air naik hingga ke

paras dada menyebabkan puluhan kereta yang sedang melalui jalan tersebut bagaikan 'dipukul ombak'.

"Salak Selatan umpama di landa tsunami. Semua kedai tenggelam hanya dalam masa dua minit tanpa sesiapa pun sempat memindahkan barang perniagaan.

"Selain itu, kereta-kereta yang melalui jalan ini ketika kejadian juga terperangkap dalam banjir," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Seorang lagi peniaga kedai makan, Pe-



RAMACHANDRAN



PETER KON

ter Kon, 70, pula mendakwa, kejadian banjir tersebut dipercayai limpahan dari Sungai Kerayong.

"Tak sangka banjir berlaku dengan begitu cepat. Saya langsung tidak sempat menyelamatkan barang-barang di kedai.

"Deretan kedai di sini juga turut menerima nasib sama manakala kereta banyak yang terkandas dan laluan terpaksa ditutup kerana permukaan jalan penuh dengan sampah-sarap," katanya.

Tinjauan *Kosmo!* di situ pula mendapati, puluhan kereta terkandas dan para peniaga sepanjang jalan tersebut sibuk menyelamatkan barang perniagaan masing-masing.

Ampang, Kajang, Cheras dilanda banjir kilat selepas hujan lebat lebih dua jam

Warga Lembah Klang cemas

Oleh NASRUL FAIZ ABU AZAL
faiz.abu@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Hujan lebat lebih dua jam yang melanda Lembah Klang semalam, menyebabkan tiga kawasan termasuk Ampang, Kajang dan Cheras dilanda banjir kilat dengan dua insiden pokok tumbang.

Jurucakap Pusat Gerakan Operasi Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur memberitahu, hujan lebat sejak pukul 1 petang itu telah menyebabkan beberapa kawasan di ibu negara iaitu di Jalan Tun Razak, Jalan Yaakob Latif, Jalan Sungai Besi, Salak Selatan dan Bangunan Perkim di Jalan Ipoh mengalami banjir kilat.

Menurut jurucakap tersebut, kawasan paling teruk dilanda banjir kilat ialah di Salak Selatan iaitu kawasan berhampiran Balai Polis Salak Selatan apabila ditenggelami air sedalam kira-kira 1.5 meter pada pukul 2 petang.

"Banjir kilat tersebut telah menyebabkan lalu lintas di beberapa jalan utama menjadi sesak," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.



SEBAHAGIAN pusat bandar Kajang ditenggelami air petang semalam.

Jurucakap tersebut berkata, pihaknya turut menerima aduan dua kejadian pokok tumbang di Bulatan Sungai Besi yang menghempap empat buah kenderaan, bagaimanapun tiada kemalangan jiwa dilaporkan.

Satu lagi kejadian pokok tumbang ialah di pekarangan Flat Seri

Johor di Cheras.

Di **Kajang** pula, kawasan di pusat bandar itu terjejas seketika kira-kira pukul 2 petang semalam apabila air naik mendadak kira-kira satu meter disebabkan longkang tersumbat.

Bagaimanapun, keadaan banjir kilat semakin reda pada pukul 4



BEBERAPA buah kereta terperangkap dalam kejadian banjir kilat di pekan Salak Selatan, Kuala Lumpur semalam.

petang semalam selepas air mulai surut berikutan hujan mulai renyai-renyai.

Pada Disember tahun lepas banjir kilat akibat hujan lebat telah menjejaskan pekan itu dengan pekadai dan orang awam mengalami kerugian apabila harta dan kenderaan mereka rosak ditengge-

lami air.

Sementara itu, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dalam kenyataan di sini menyatakan, laluan Terowong Pengurusan Air Banjir dan Jalan Raya (SMART) ditutup sepenuhnya kepada trafik bagi mengaktifkan sistem aliran ban-